

Gagasan 1Malaysia kini jadi gerakan massa



Sidang Dewan Rakyat

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, konsep 1Malaysia yang diilhamkan beliau kini sudah menjadi gerakan massa di peringkat akar umbi dan bukan lagi gagasan kerajaan semata-mata.

Beliau juga bersyukur dan bangga dengan sambutan yang diberikan rakyat terhadap gagasan tersebut seperti yang disaksikan dalam lawatan tinjauan mesra ke beberapa kawasan seperti Pantai Dalam, Petaling Street dan Brickfields tidak berapa lama dulu.

"Saya berasa kagum bahawa sebutan Salam 1Malaysia telah menjadi kelaziman ramai pihak, tambahan pula banyak inisiatif daripada rakyat sendiri untuk mempromosikan dan mengenal pasti dengan lambang 1Malaysia secara simbolik seperti perkahwinan 1Malaysia di antara empat pasangan di Kapar baru-baru ini yang terdiri daripada dua pasangan Melayu, satu Cina dan satu India yang disaksikan oleh saya sendiri.

"Simbol 1Malaysia juga sudah menjadi sangat popular digunakan oleh badan korporat, badan sukarela dan juga sebagai simbol motif dalam bentuk pakaian," katanya di Dewan Rakyat ketika menjawab soalan Alexander Nan-



NAJIB TUN RAZAK (tengah) sewaktu hadir di Dewan Rakyat semalam.

tha Linggi (BN-Kapit) di sini semalam.

Anggota Parlimen Kapit itu meminta Perdana Menteri menyatakan tahap kejayaan Gagasan 1Malaysia dalam menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama buat masa sekarang.

Najib berkata, kejayaan dan populariti 1Malaysia juga telah menyebabkan ada pihak tertentu

memperkenalkan konsep 'Middle Malaysia'.

"Apabila Gagasan 1Malaysia semakin popular, tiba-tiba timbul satu usaha baru, kononnya atas nama 'Middle Malaysia', tapi pada pengamatan ramai, 'Middle Malaysia' adalah *rebranding* kepada konsep 'Malaysian Malaysia' yang sudah ditolak, terutama sekali rakyat peribumi kerana ia tidak pernah berpaksikan Perlembaga-

an dan sejarah negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, untuk menjayakan lagi gagasan 1Malaysia, komitmen semua pihak diperlukan kerana alternatif kepada kejayaan konsep tersebut adalah kewujudan sebuah negara Malaysia yang berpecah-belah, tidak stabil dan lemah.

"Demi untuk anak-anak kita... ini bukanlah masa depan yang kita dambakan." - Bernama